

14/02/2001

Kajian UMS untungkan nelayan tempatan

Muhd Yusuf Abu Bakar; Johary Indan

KOTA KINABALU, Selasa - Langkah Universiti Malaysia Sabah (UMS) memantapkan penyelidikan dalam bidang marin dan biodiversiti membolehkan produknya dihasilkan untuk tujuan komersial.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Muhamad memuji langkah UMS meneroka bidang penyelidikan marin yang membabitkan ternakan ikan kerapu tikus dan rumpai laut yang kini boleh dikomersialkan manakala masyarakat tempatan mendapat manfaatnya.

"Walaupun baru ditubuhkan, UMS sudah mampu menghasilkan produk hasil penyelidikan yang dijalankan. Kini rumpai laut dapat dijadikan produk makanan manakala ikan kerapu tikus boleh dijual dengan harga yang tinggi.

"Penyelidikan yang dijalankan UMS turut berjaya mendapatkan minyak herba daripada tumbuhan hutan Sabah untuk tujuan perubatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengetuai rombongan anggota Persidangan Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (Seameo) ke-36, melawat kampus induk UMS di Teluk Sepanggar di sini, hari ini.

Turut hadir menyambut Musa dan rombongannya, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abd Hamid Egoh.

Mengenai perkembangan UMS, Musa berkata, hampir 90 peratus peruntukan bagi membina kampus UMS sudah dibelanjakan, kini hanya tinggal fasa terakhir pembinaannya.

"Menjelang Jun akan datang, jumlah pelajar UMS akan meningkat daripada 6,000 kepada 8,000 pelajar, ia satu jumlah yang besar jika dibandingkan dengan usia penubuhannya yang baru enam tahun," katanya.

Selain menyaksikan pameran UMS di Bangunan Pentadbiran, Musa dan beberapa pegawai kanan Seameo menanam pokok di kawasan perkarangan Canselori sebagai tanda kenangan.

Ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan persidangan Seameo semalam, Musa berkata, etika dan moral sudah diperkenalkan bukan saja di universiti tetapi seluruh sistem pendidikan kita.

"Bagaimanapun, kita turut mempertimbangkan untuk memperkenalkan etika yang dapat mengubah masyarakat kita kepada budaya baru yang boleh membentuk semangat gigih bekerja.

Bagi peringkat negara Asia Tenggara, Musa berkata, nilai-nilai berkenaan turut diperkenalkan dalam sistem pendidikan masing-masing mengikut keperluan.

Ketika merasmikan persidangan semalam, Dr Mahathir berkata, etika dan moral perlu diterapkan dalam sistem pendidikan global untuk mengelak penyelewengan dan penyalahgunaan terhadap ilmu dan maklumat.

"Semua negara anggota Seameo sudah melakukan banyak perkara bagi memperkenalkan pengajaran etika dan moral berasaskan nilai Asia di dalam sistem pendidikan mereka. Cuma yang boleh dilakukan sekarang ialah memantapkan nilai berkenaan supaya mampu menghadapi cabaran globalisasi sekarang," katanya.

Sementara itu, di Tamparuli, ahli rombongan Seameo turut melawat Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Tamparuli dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tamparuli di sini, hari ini.

Rombongan terdiri daripada menteri dan pegawai kanan pendidikan anggota Seameo yang diketuai Musa tiba di SK Pekan Tamparuli, jam 11.30 pagi.

Rombongan yang diberikan sambutan paluan kompang, bunga manggar serta sekumpulan wanita Dusun Lotud lengkap berpakaian tradisional.

Sebaik tiba, rombongan terbabit diberikan taklimat oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Sabah, Kamal D E Quadra, mengenai kewujudan sekolah itu yang beroperasi sejak 1943.

Menurutnya, SK Pekan Tamparuli yang masih mengekalkan ciri bangunan lama yang dibina daripada kayu mempunyai 524 murid, 40 tenaga pengajar dan enam kakitangan tambahan.

Lawatan itu berakhir dengan 10 anggota Seameo terbabit menanam pokok di perkarangan sekolah berkenaan.

(END)